

Headline	Permohonan Bazar Ramadan MBKS kini dibuka		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	11 Mar 2020	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	12	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	199 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,854
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,563



**BAZAR RAMADAN...** Sebali Chik (tengah) menunjukkan borang permohonan bersama Abdul Baderi Sahmat (empat, kiri), Iskandar Sharkawi (tiga, kiri), Azizi Morni (empat, kanan), Sufian Ateng (tiga, kanan), Dzamaluddin Zainuddin (dua, kanan) dan kakitangan MBKS pada sidang media di Kuching semalam.

## Permohonan Bazar Ramadan MBKS kini dibuka

**KUCHING:** Pengusaha makanan dan minuman yang berminat untuk menyertai Bazar Ramadan Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) adalah dijemput untuk mengisi borang permohonan mulai 9 sehingga 23 Mac 2020.

Pengerusi Penganjur Bazar Ramadan 2020, Sebali Chik berkata, MBKS akan mengadakan Bazar Ramadan di tempat letak kereta Pusat Komersial Stutong dan Pasar Komuniti Stutong dengan jualan makanan, minuman serta barang-barang perayaan bermula 24 April hingga 23 Mei 2020 (Sabtu).

"Borang permohonan boleh didapati di One Stop Service Counter 9, tingkat bawah, Dewan Bandaraya Kuching Sela-

tan, Jalan Padungan, Kuching mulai 9 Mac.

"Borang permohonan yang telah lengkap diisi mesti dihantar pada atau sebelum 4.00 petang, 23 Mac 2020 (Isnin)," katanya sidang media di MBKS di sini semalam.

Beliau menambah permohonan yang dihantar selepas masa dan tarikh tersebut tidak akan dilayan.

"Permohonan perlu disertakan sijil kursus pengendali makanan dan menjalani pemeriksaan kesihatan dengan mendapatkan vaksinasi tifoid atas tanggungan kos sendiri," katanya.

Katanya lagi, permohonan yang melebihi jumlah lot gerai yang disediakan akan melalui

proses cabut undi pada satu tarikh yang akan ditetapkan oleh MBKS.

"Permohonan yang berjaya perlu membayar yuran sewa sebanyak RM220 kepada MBKS bagi setiap gerai sepanjang jualan bazar tersebut," jelasnya.

Beliau berkata, setiap tahun Bazar Ramadan di Stutong mendapat permintaan yang tinggi daripada pengusaha makanan dan minuman kerana sewa gerai yang murah, lokasi yang strategik dan terletak dalam kawasan komuniti berbilang kaum. Sebanyak 141 gerai akan disediakan yang merangkumi 58 gerai lauk-pauk, 18 gerai makanan panggang, 19 gerai minuman dan 46 gerai kuih-muih.